

## KARYA INDIE: REVOLUSI PENULIS GENERASI BARU

Nor Hasimah Ismail

Melor Fauzita Md Yusoff

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia

**ABSTRAK:** Novel ialah prosa yang panjang yang kini makin popular menjadi santapan minda pembaca. Novel mengalami perubahan dalam proses pengkaryaan. Plot, latar, watak karya diungkapkan pada laman sesawang iaitu *face book*, blog, twitter dan lain-lain. Karya indie makin popular dan diminati oleh para remaja kerana garapan situasi semasa yang santai dan ringan dipaparkan. Karya ini lebih bebas tidak terikat dengan struktur penulisan novel. Plot penceritaan penulisan berbentuk nasihat, catatan perjalanan, catatan diari, memberontak, sarkastik, jenaka, maki hamun, menentang dan sebagainya. Hasil kajian ini akan melihat matlamat dan tujuan penulisan indie dihasilkan serta teknik atau trend penulisan baharu kini.

**KATA KUNCI:** karya indie, pengkaryaan, plot, generasi baharu dan perubahan

### PENGENALAN

Dalam kesusasteraan Malaysia oden perkataan novel itu dipinjamkan daripada perkataan “novel” dan perkataan ini digunakan bagi menamakan sejenis prosa naratif yang munasabah panjangnya yang terdapat dalam kesusasteraan tersebut yang muncul sekitar tahun-ahun dua puluhan abad ini. (2004: 101) Novel dikenali sebagai novella. Cerita yang sederhana panjang dan sangat panjang dikenali sebagai novel. Karya novel kini semakin diminati oleh golongan remaja dan dewasa. Jika diteliti dari segi susur galur kemunculan novel bermula sejak tahun-tahun 1920an hingga akhir-akhir tahun 1960an membawaikan isu pemikiran dan juga gaya bahasa dan teknik penceritaan yang tersendiri yang sesuai dengan zaman tersebut.

Pada tahun 1960an aspek yang menjadi tumpuan ialah isu politik, sosial dan ekonomi negara. Terdapat perubahan dalam penghasilan novel. Faktor utama ialah

- i. Pendaulatan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan
- ii. Tertubuhnya berbagai-bagai institusi kesusasteraan
- iii. Keinginan dan pendidikan pengarang
- iv. Gejala-gejala baharu dalam masyarakat dan negara yang baru merdeka

Tahun 1960an adalah tahun pengisian kemerdekaan. Antaranya ialah mendaulatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan. Pada tahun 1956 Dewan Bahasa dan Pustaka telah ditubuhkan yang berfungsi sebagai institusi pembina serta pengembangan utama bahasa dan kesusasteraan negara. Dalam pelaksanaan memantapkan fungsinya dewan Bahasa dan pustaka telah mengadakan berbagai-bagai-bagai penyelidikan dan penerbitan tentang dan kesusasteraan dipertingkatkan bukan sahaja dari segi kuantitinya. Sehubungan itu, tiga peraduan novel telah diadakan semenjak dekat 1960an iaitu tahun 1958, 1862 dan 1967.

Pada tahun 1960an banyak novel berunsur politik, sosioekonomi dan sosiobudaya yang ditulis Perkembangan novel kian rancak hingga kini. Banyak tema novel yang telah ditulis oleh novelis.

Kini dalam era baharu perubahan corak novel telah berlaku iaitu karya indie mewarnai penulisan novel. Karya ini makin popular dan diminati oleh para remaja kerana garapan situasi semasa yang santai dan ringan dipaparkan. Karya ini lebih bebas tidak terikat dengan struktur penulisan novel. Karya yang dipilih untuk dianalisis ialah *kelabu* keluaran Fixi setebal 456 muka surat. Karya ini hasil karya Nadia Mohamad Hatta, atau Nadia Khan, adalah penulis yang berkelulusan M.B.B.S. pada tahun 2009 dan kini merupakan tutor sambilan. Beliau menjadi, penulis sepenuh masa dan memenangi pertandingan penulisan skrip kebangsaan. di *Kelabu* adalah novel pertama yang diterbitkan pada tahun 2011. Ini diikuti oleh cerita-cerita antologi pendek betajuk *Cerpen* (2012), *Kopi* (2012). Skrip pertama beliau yang dijadikan telemovie adalah 'Aku, Dia dan Tong Sampah', yang dihasilkan oleh Playground Productions. Disamping mengajar di fakulti perubatan di sebuah universiti di Malaysia, beliau juga mengikuti ijazah Sarjana dalam Psikologi.

Plot penceritaan penulisan berbentuk nasihat, catatan perjalanan, catatan diari, memberontak, sarkastik, jenaka, maki hamun, menentang dan sebagainya. Kajian ini adalah kajian kualitatif yang akan menggunakan teori strukturalisme sebagai metodologi kajian. Hasil kajian ini akan melihat matlamat dan tujuan penulisan indie dihasilkan serta teknik atau trend penulisan baharu kini.

Menurut Shahnon Ahmad (1994: 19) keperihalan kemanusiaan sebenarnya adalah sebuah lautan yang maha luas yang memiliki terlalu banyak rahsia yang terpendam yang memerlukan penerokaan yang berkesan terutama aspek dalaman yang banyak tersembunyi dan tersirat jauh di dalam jiwa dan bersifat rohaniah. *Kelabu* karya Nadia Khan ini mengungkapkan keperihalan manusia khususnya kepada persoalan remaja yang berlaku pada masa kini dan dipaparkan secara bersantai.

Kulit depan novel memaparkan seorang lelaki berkamera dalam keadaan terbalik. Ini menunjukkan keunikan karya ini dan merupakan salah satu daya penarik novel-novel Fixi. Apabila membicarakan perwatakan bermakna membicarakan dua hal, iaitu watak-watak yang ada dalam novel itu dan yang satu lagi membicarakan bagaimana watak-watak yang berkenaan itu dilukiskan dalam novel. (2004: 96) *Kelabu* memperkenalkan pembaca dengan watak Amir, seorang freelance photographer yang banyak memperoleh kerjaya daripada Maya, perempuan jelita suka bekerja. Amir mempunyai seorang sahabat akrab bernama Shah, seorang lelaki yang mempunyai studio rakaman/jamming sendiri. Amir ditemukan dengan Jun, seorang gadis genit jelita yang tawarkan Amir suatu posisi yang merupakan katalis kepada keseluruhan kisah. Jun mahu Amir menjadi kekasih kontraknya. Situasi ini menimbulkan konflik dan menjadikan cerita ini begitu kompleks dan berbeza dengan cerita yang lain-lain.

Tema novel ini ialah mengenai kehidupan remaja kota yang bebas. Tumpuan kepada remaja yang berpelajaran tinggi dan kedudukan kewangan keluarga yang kukuh. Persoalan yang dipaparkan dalam karya indie ini ialah krasis identiti yang berlaku dalam diri Amir yang pernah melanjutkan pelajaran di luar negara iaitu Jerman. Memaparkan lokasi di kawasan yang elit menggambarkan Amir dari golongan yang berada. Tinggal di Apartmen peribadi yang mewah. Bapanya adalah seorang Tan Sri yang mengusahakan perniagaan. Amir dalam cerita ini digambarkan sering makan di café hipster. Keseluruhan berpusar pada watak utama Amir yang kelihatan sangat tenang menghadapi kisah peribadi yang tragis. Beliau tinggal sendirian di apartment mewah hadiah ayahnya.

Dan apartment yang sepatutnya jadi hak milik Marlis, menjadi milik aku sempena kepulangan aku dari Germany. Aku tahu abah boleh je jual balik apartment tu dan dapat untung, dan aku boleh duduk dengan abah di rumah banglonya. Tapi abah tau aku suka duduk sendiri, dan apartment tu sebagai memujuk hati lara yang aku bawa pulang dari Germany.

(2015: 25)

Dalam karya ini dipaparkan tentang pergolakan perasaan yang menarik. Penulis berjaya menyelami resah jiwa anak muda dengan bahasa muda mudik kini terutamanya berkenaan pergaulan warga kota Kuala Lumpur

dengan baik. Karya ini juga memperkenalkan pada ekspresi anak Melayu moden, gerak kerja, hubungan yang mereka cipta dan gerak langkah di kota besar. Segala penceritaan karya ini begitu moden dalam memaparkan situasi remaja kini.

Temu janji pertama aku dengan Jun berlangsung di kafe apartment aku je. Malas nak gi jauh. Dia yang tepon ajak dating, dia la yang datang ke teratak aku. Panggilan daripada Jun tu taklah begitu mengejutkan aku sebenarnya. Insan hensem seperti aku semestinya mengundang kenalan baru. Cuma agak mengejutkan, di pertemuan pertama, Jun akui yang dia dah ada boyfriend. Bukanlah aku kisah sangat sebab pertemuan aku dan Jun sekadar sesi perkenalan dan memandangkan Jun yang cari aku, aku tak bolehlah dituduh mengacau girlfriend orang. Tapi aku musykil jugak kenapa Jun beriya-iya nak kenal aku?. Aku ni kalau dah musykil, aku tanya je. Tak reti nak selindung-selindung.

(2015:20)

Gaya bahasa yang digunakan dalam karya ini agak santai. Penggunaan bahasa sehari-hari, bahasa slanga, kependekan perkataan serta penggunaan bahasa Inggeris yang ditulis tidak mengikut ejaan yang sebenar. Bahasa mudah yang digunakan oleh para remaja ini sebenarnya menggambarkan situasi remaja kini yang menggunakan bahasa mengikut kehendak hati dan tidak mengikut laras gaya bahasa yang sebenarnya.

Dalam pencarian mencari erti kehidupan sebenar, kadangkala terdapat manusia yang tersalah langkah, tersalah tafsir dan tersilap menentukan arah. Bila rasa dijadikan tunjang, berpaksikan pada hati dan jiwa yang sudah lama merusuh mencari titik mula, kadangkala kita salah dalam mencari percaturan diri Hal ini telah berlaku kepada Amir.

Kehidupan sebagai pengid, bukan dari kehendak hati sendiri. Peristiwa eksiden semasa kecil mengakibatkan berlaku perubahan besar dalam diri Amir. Hal in terjadi apabila ibu dan bapanya telah berpisah. Ibunya telah berkahwin dan membawa diri ke luar negara.

Amir hidup bebas di bawah asuhan bapanya. Kemahuannya sentiasa dituruti dan dipenuhi. Dan Amir sepanjang pembacaan ini dilihat mempunyai sifat-sifat keperempuanan yang tidak ditunjukkan walaupun dia menafikannya. Amir itu hakikatnya seorang perempuan asli yang mengalami kecelaruan identiti. Beliau telah menggunakan nama lelaki iaitu Amir.

Cinta Amir datang dan pergi iaitu mencintai Jun, Suhaini, Maya, Shah dan Amran. Setiap seorang sangat menarik gerak kisah mereka. Penulis mungkin sengaja tidak menggambarkan Amir dengan masalah lain kecuali hubungan sesama manusia yang ada di sekelilingnya. Pemilihan cetakan ayat condong untuk gambaran hati Amir pada perenggan sewaktu bercerita itu sangat menarik. Luahan hati Amir hanya membaca sahaja yang tahu. Ada waktunya lucu dan meruntun hati. Gaya penulisan karya indie ini menjadikan gaya penceritaan berbeza dengan gaya penulisan biasa.

Kini novel indie adalah jenis novel terkini yang semakin diminati. Dari segi struktur bahasa. Penggunaan bahasa Inggeris begitu meluas malahan dalam karya indie penggunaan bahasa Inggeris tidak di *italic* di tulis seolah-olah bahasa Melayu.

"Well, the damage is done. I have to fire you anymore,"

"What?!"

"I'm sorry, Mir. Tapi designertu memang nak Diyaz as one of the models. She has the right figure for most of th clothes. I can afford to lose you, but not her. Diyaz ni sungguh-sungguh kata tak nak kerja kalau you ada, so my hands are tired," jelas Maya.

(2015: 13)

Penyampaian gaya penulisan karya indie sangat bersahaja seumpama bahasa Melayu. Hal ini kerana karya indie agak bebas dan tidak terikat dengan mana-mana syarat untuk menghasilkan sesebuah karya.

" Because you're no match for him! You wanna know why? Because your real name...is Amira!  
Because you are a freaking dyke!"

(2015: 211)

Pernyataan di atas telah membuat pembaca terkejut. Penulis begitu berhati-hati dalam bab awal bagi mengekalkan mood suspen kepada pembaca. Sebenarnya ia boleh ditamatkan di situ sahaja sekiranya ia adalah novella nipis. Garapan bahasa yang biasa menarik dan tidak ada babak kotor atau lucu melulu bagi buku berbentuk seksualiti ini harus dipuji. Penulis banyak menceritakan tentang gelojak hati si Amir yang berambut pendek. Pemilihan pakaian hanya datang kemudian bagi mengekalkan ritma penceritaan. Namun demikian dalam bab 53/54 secara tradisional diperkenalkan alatan sembahyang seperti telekung, almari dan baju kurung yang akan dikenakan. Ini untuk memberi gambaran yang lebih jelas pada pembaca yang mahu merasa puas bahawa Amir adalah Amira. Walaupun permulaan dan pertengahan cerita menggambarkan Amir bercinta dengan Suhaini adan Jun. Namun penghujung cerita digambarkan Amir tidak boleh menidakkan perasaannya bahawa dia seolah-olah terasa kehilangan apabila Shah pergi ke Australia.

Cerita ini walaupun mengangkat tema cinta yang kelihatan biasa-biasa saja, tapi menjadi luar biasa apabila watak utama, atau main hero bukanlah watak yang menjadi kelaziman dalam ceritera cinta biasa. Amir yang hakikat sebenarnya bukan Amir merupakan suatu kelainan untuk kisah cinta dalam negara Malaysia. *Kelabu* adalah sebuah cerita yang menarik dengan plot-plot dan watak yang mudah difahami. Namun begitu, hampir separuh novel ini penulis berjaya mengelirukan pembaca seolah-olah berada dalam dunia kelabu Amir. Terdapat banyak perumpamaan atau kata-kata yang digunakan.

"Ada sesetengah perkara apabila disuarakan ia menjadi sesuatu yang pasti. Sesuatu yang hitam putih. Dan dunia monokromatik itu menakutkan aku."

"Aku orang yang selama ini hidup dalam garis 2 kelabu. Dan aku selesa dengan keadaan itu."

(2015: 170)

Satu penceritaan yang sangat baik dan naskah yang ada pelbagai rasa. Berselindung, terselindung, menyelindungi. Tersembunyi, disembunyi, menyembunyi. Pelbagai frasa yang boleh diungkapkan tapi mempunyai maksud yang akan sama. Lalu, berfikirlah adakah kita perlu berubah atau terus menidakkannya fitrah dari Allah. Usah dicari di mana kemelut ini bermula, tapi carilah bila penyelesaian itu akan berakhir...

Pengakhiran novel ini juga menjadi sedikit tanda tanya. Adakah Amran atau Shah yang muncul di muka pintu? Naluri ini kuat mengatakan dia adalah Shah. Kerana ayat terakhir "masa dah mula menentukan nampaknya"... Pengarang novel ini berjaya menghasilkan penutup novel yang menarik. Pembaca menjadi tertanya-tanya. Gaya penulisan sangat bersahaja. Terdapat unsur sosial, namun penuh kesopanan dan kekaguman. Buku ini sangat unik kerana masalah sosial yang cuba diketengahkan dan pengarang berani mengemukakan isu yang terjadi kepada remaja kini.

Kesimpulannya karya ini adalah paparan berani yang diutarakan oleh Nadia Khan melalui karya *Kelabu*. Pengarang sebenarnya seorang yang jujur kerana mengungkapkan situasi yang berlaku ada masa kini. Krisis identiti lelaki yang mahu jadi perempuan dan perempuan mahu menjadi lelaki adalah situasi yang melanda muda-mudi kini. Penggunaan bahasa yang bersahaja memaparkan yang terungkap dalam karya indie. Karya ini sebenarnya memaparkan gaya penceritaan terkini yang dialami oleh generasi baharu. Walaupun demikian pembaca haruslah berfikir secara rasional dan bukannya emosional berkenaan jalan cerita kerana setiap cerita mengandungi unsur-unsur yang baik dan buruk yang boleh diambil iktibar daripada setiap kejadian yang berlaku.

## RUJUKAN

- A.Wahab Ali (2004). *Tradisi pembentukan Sastera Melayu Modern*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mana Sikana. (2013). *Koleksi Teori Sastera*. Selangor: Pustaka Karya.
- Shahnon Ahmad (1994) *Sastera: Penagalaman ilmu imaginasi dan kitaranya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Antara Buku Indie dan Arus Utama. [http://www.utusan.com.my/utusan/Rencana/20140223/re\\_13/Antara-buku-indie-dan-arus-utama](http://www.utusan.com.my/utusan/Rencana/20140223/re_13/Antara-buku-indie-dan-arus-utama). (diakses pada 14 Mei 2016)<http://tajaulama90.blogspot.my/2011/01/sejarah-perkembangan-novel-1960.html999>(diakses pada 14 Mei 2016)
- [http://www.goodreads.com/author/show/1834594.Nadia\\_Khan](http://www.goodreads.com/author/show/1834594.Nadia_Khan)(diakses pada 14 Mei 2016)
- <http://www.goodreads.com/book/show/13107719-kelabu>(diakses pada 14 Mei 2016)
- Karya Indie Umpama Grafiti. <http://www.utusan.com.my/pendidikan/sastera/karya-indie-umpama-grafiti-1.205295>(diakses pada 14 Mei 2016)

